

Elak guna bahasa sensitif isu agama

Mengapakah selepas 60 tahun merdeka, kita menjadi lebih jahil mengenai hubungan etnik baik, ramuan terpenting dalam masyarakat majmuk. Sepatutnya tempoh ini memantapkan kita untuk tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama. Nampaknya, bukan sahaja yang sebaliknya terjadi, ia berlaku berulang kali dalam waktu yang singkat.

Dua kejadian yang tidak dapat dinafikan mencera Islam didapati bukan dilakukan pihak yang bebah, tetapi yang berpendidikan, dan pendidikan tinggi pula. Pertama lukisan sindiran tokoh Melayu berserban untuk menyelar pembentangan Akta 355. Kedua tajuk tambung dengan gambar umat Islam bersolat yang mengelirukan untuk meraikan hari pertama berpuasa.

Dengan berlakunya perkara bebah daripada pihak berpendidikan, soalan penting yang perlu segera dicari jawapannya ialah apakah yang ada pada kecerdasan pihak berilmu tinggi ini, yang boleh dikatakan tidak cendek langsung dalam tindak tanduk mereka.

Mereka adalah badan berita yang sudah lama mantap selain mempunyai reputasi pula. Akan tetapi dengan berlakunya dua

perkara ini, kesempurnaan akal, baik dari segi pemikiran, perasaan dan tindakan sidang redaksi dua akhbar ini perlu dipersoal. Sudah tentu kebebalaan mereka perlu ditanggung dua akhbar ini dengan memohon maaf kepada umat Islam. Sesungguhnya permohonan maaf ini tidak boleh selalu dianggap sebagai cara penyelesaian setiap kali sensitiviti agama umat Islam disentuh. Ini kerana tahap kesabaran mereka pasti ada hadnya. Sebenarnya ini yang sangat-sangat perlu difikirkan terlebih dahulu semua pihak sebelum apa-apa dilakukan terhadap mana-mana agama.

Teguran dan amaran mengenai bahayanya sensitiviti agama dan juga kaum disentuh dan dipermain, yang dikaitkan dengan rusuhan etnik 1969, cukup tidak disenangi bukan Melayu. Mereka berasa sebagai kaum minoriti, mereka diugut-ugut kaum majoriti. Akan tetapi, inilah hakikatnya jika ia tidak dibendung ketika bara, lambat laun akan berlaku konflik begini kerana kita sering sangat bermain dengan api perkauman dan keagamaan.

Bahasa sensitif ialah kata digunakan secara lisan mahupun tulisan serta tindakan ditunjukkan yang boleh mencetuskan kemarahan sesuatu pihak. Sehubungan

itu, lukisan yang disiarkan itu memang mempersenda dan menghina pihak yang dimaksudkan. Tajuk berita pula jelas bersifat prejudis, selain menyelar umat Islam pada hari mereka mula menunaikan fardu puasa.

Boleh cetus kacau-bilau

Tidak dapat disangkalkan lagi, kedua-duanya bukan sahaja amat menyinggung perasaan umat Islam, ia juga boleh membawa kepada kacau-bilau etnik kerana dua akhbar itu adalah badan berita bukan Melayu. Sebenarnya, persoalan penggunaan bahasa sensitif ini tidak memerlukan kecerdasan tinggi pun. Ia begitu mudah sifatnya kerana apa-apa dikatakan dan ditunjukkan yang boleh mempersenda, mengancam air muka dan menaikkan kemarahan seseorang atau sesebuah kelompok, sama ada secara terbuka atau tertutup bentuknya, dalam mana-mana medium, termasuk dalam internet, hendaklah sama sekali dielakkan.

Apabila sifat bahasa sensitif yang sebegitu mudah pengertiannya tidak berjaya digarap oleh badan berita yang bereputasi, ia menimbulkan pelbagai persoalan. Justeru, pelaporan agresif yang menggetepikan pematuhan bahasa sensitif selalu dikaitkan dengan

kebebasan bersuara sebagai hak asasi manusia. Namun, ia masih perlu mempunyai hadnya dalam mana-mana masyarakat, apatah lagi berbilang bangsa.

Bahasa sensitif perlu dipatuhi semua pihak, baik oleh orang perseorangan ataupun secara berkelompok. Ia amat penting untuk keharmonian sosial bagi rakyat jelata dan ketenteraman awam bagi negara tercinta.

Dalam dua kejadian ini, ia yang sepatutnya tidak digunakan langsung, adalah lebih kepada untuk menjaga maruah tokoh masyarakat berkenaan dan kaum Melayu serta juga kesucian Islam dan kehormatan komuniti Muslim bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia.

Sesungguhnya toleransi komuniti Muslim di Malaysia adalah amat tinggi. Walaupun dikecam sedemikian rupa, mereka tetap bersabar dan membantah sahaja. Namun, tahap toleransi ini tidak boleh selalu diuji kerana ia boleh menyebabkan mereka bertindak di luar batasan apabila suhu radangnya tidak terkawal lagi.

Oleh itu, marilah kita semua menjauhkan diri daripada menggunakan bahasa sensitif untuk menjaga akhlak dan kesusilaan umum serta keharmonian awam.

Komentari



Teo Kok Seong

Profesor di Universiti

Kebangsaan Malaysia dan EXCO
Majlis Profesor Malaysia (MPN)